

31 JUL 1997

Lead Abdullah-Pakistan

MALAYSIA DAN PAKISTAN SETUJU TINGKAT HUBUNGAN DAGANGAN

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Pakistan bersetuju meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan melalui pakej cadangan, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini.

Cadangan itu membabitkan mempelbagaikan import dan eksport, usahasama dan penempatan semula industri berintensifkan buruh, kata beliau pada penutupan mesyuarat pertama Suruhanjaya Bersama Malaysia-Pakistan di sini.

"Kita juga mengambil inisiatif untuk membangkitkan soal urusan perdagangan dengan tujuan untuk mempermudah aliran perdagangan antara kedua-dua negara," kata beliau. Pakistan diwakili oleh Menteri Luarnya Gohar Ayub Khan.

Dalam hubungan ini, kedua-dua negara telah menekankan tentang pentingnya peranan agensi promosi eksport masing-masing untuk bekerjasama.

Perdagangan dua hala mencatatkan peningkatan dengan jumlah perdagangan mencapai hingga AS\$698 juta (RM1.745 bilion) tahun lalu.

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk meningkatkan program pertukaran belia, sukan, pelancongan dan budaya untuk memupuk kerjasama rapat.

Selain perdagangan dan komoditi, mesyuarat juga membincangkan tentang kemungkinan mengadakan usahasama dalam pembangunan sumber manusia dan kerjasama teknikal dalam sains dan teknologi.

Abdullah berkata kejayaan mesyuarat itu akan mencorakkan hala tuju baru dalam hubungan Malaysia dan Pakistan, yang Perdana Menterinya Nawaz Sharif memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia hari ini.

Gohar berkata lawatan ini merupakan yang pertama oleh Nawaz Sharif ke sebuah negara Asia Timur selepas menyandang jawatan dan ia mencerminkan betapa beliau memberi tumpuan utama kepada Malaysia.

Pakistan mahu meningkatkan eksport seperti beras dan buah-buahan ke Malaysia memandangkan imbangan perdagangan antara kedua-dua sekarang menguntungkan Malaysia, kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Pakistan juga sedang mengkaji cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kedua-dua negara mengadakan pengeluaran bersama dan bekerjasama dalam pemrosesan dan pemasaran minyak sawit.

Beliau berkata disamping kemungkinann membekalkan peralatan pertahanan kepada Malaysia, kakitangan pertahanan Malaysia juga boleh dilatih di institusi Pakistan.

Gohar juga mencadangkan supaya pelabur Malaysia mengadakan usahasama atau mendirikan perusahaan di Pakistan termasuk pengambil alihan industri yang diswastakan.

Beliau berterima kasih kepada Malaysia kerana mengambil sebilangan besar pekerja Pakistan sambil berkata Pakistan yang mempunyai penduduk berjumlah lebih 130 juta boleh menyediakan tenaga pekerja terlatih dan profesional. -- BERNAMA

AZZ FAZ